

28/05/2000

PM nafi krisis dengan Daim

Jamhariah Jaafar; M Magendran; Teh Kian Kiat

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyangkal laporan kononnya berlaku perselisihan faham antaranya dengan Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin.

Perdana Menteri berkata, khabar angin mengenai hubungan tegang antara kedua-dua mereka dan ura-ura Daim akan meletak jawatan sudah menjadi topik hangat sejak dulu lagi, tetapi sehingga sekarang mereka masih bersama.

"Saya mengaku kami tidak selalunya bersetuju antara satu sama lain tetapi akhirnya kami mencapai persetujuan yang membawa kejayaan negara ini.

"Tentulah beliau tidak bersetuju dengan semua perkara yang saya mahu lakukan dan saya tidak dapat bersetuju dengan semua perkara yang beliau hendak buat, tetapi akhirnya kami mencapai persetujuan," kata Dr Mahathir dalam sidang akhbar selepas merasmikan Perhimpunan Agung MIC, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, semalam.

Turut hadir ialah Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu; Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN), Tan Sri Mohd Khalil Yaakob; dan Timbalan Presiden MIC, Datuk S Subramaniam.

Dr Mahathir berkata demikian ketika ditanya mengenai artikel yang disiarkan oleh Asia Wall Street Journal kelmarin, yang mendakwa hubungan kedua-dua pemimpin negara itu kini semakin tegang berikutan perbezaan pendapat membabitkan pelbagai perkara.

Akhbar itu dipetik sebagai melaporkan, antara punca yang meretakkan hubungan kedua-dua pemimpin itu ialah arahan Kementerian Kewangan minggu lalu untuk menyingkirkan eksekutif kanan paling berpengalaman daripada lembaga agensi negeri, termasuk syarikat awam yang dikuasai kerajaan negeri dan usaha sama dengan pelabur tempatan dan asing.

Arahan berkenaan kata jurnal itu, yang berkuatkuasa serta-merta akan menghalang pengurus kanan perbadanan dan agensi negeri daripada menjadi pengarah anak syarikat serta syarikat bersekutu badan induk masing-masing. Arahan itu bagaimanapun dakwa jurnal berkenaan belum lagi diumumkan kepada awam.

Laporan itu turut memberikan contoh tanda lain yang menimbulkan perselisihan faham antara Dr Mahathir dan Daim, termasuk perkara berkaitan penggabungan institusi kewangan, pembabitan sebuah syarikat Singapura dalam industri telekomunikasi Malaysia dan pelantikan penasihat kewangan di Pejabat Perdana Menteri.

Lebih jauh Jurnal itu mendakwa perbezaan pendapat antara kedua-dua mereka membabit pelbagai isu terbaru, turut menjejaskan pasaran saham kerana ditutup rendah Jumaat lalu.

Ditanya mengenai sebab keadaan pasaran tidak menentu sekarang, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak faham dengan pasaran... saya tidak berpura-pura faham mengenainya dan saya tidak akan belajar memahaminya."

Mengenai laporan kononnya berlaku perselisihan faham antara mereka mengenai pelantikan Gabenor Bank Negara, Dr Mahathir berkata sebenarnya ada beberapa calon bagi jawatan itu termasuk mereka yang dicadangkan oleh Daim sendiri.

"Tetapi saya mengadakan perbincangan secara berterus terang dengannya untuk memilih siapa yang menjadi calon paling sesuai dan beliau bersetuju," katanya.

Perdana Menteri turut menyangkal spekulasi kemungkinan akan berlaku perubahan bagi jawatan Bendahari Umno yang kini dipegang Daim, dengan

berkata: "Itu sesuatu yang baru. Saya tidak tahu menahu mengenainya.
Akhbar selalunya lebih tahu daripada saya."
(END)